

## SOALAN SOALAN LAZIM (FAQ)

### AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN

#### 1. Apakah itu Akaun Simpanan-i Tabung Qurban?

- a) Akaun Simpanan-i Tabung Qurban membolehkan pelanggan membuat tabungan secara khusus untuk ibadah Qurban melalui kaedah tabungan yang mudah.

#### 2. Kenapa Akaun Simpanan-i Tabung Qurban diperkenalkan?

- a) Untuk menawarkan simpanan bagi tujuan Ibadah Qurban dengan cara yang lebih sistematik.
- b) Menyediakan perkhidmatan Ibadah Qurban yang lebih terjamin bagi memenuhi permintaan pelanggan.
- c) Menawarkan ciri-ciri akaun simpanan yang menarik di pasaran.

#### 3. Bagaimana Akaun Simpanan-i Tabung Qurban dilaksanakan?

- Pelanggan menyimpan secara tabungan bulanan atau sekaligus dengan membuka Akaun Simpanan-i Tabung Qurban.
- Pelanggan yang mencapai jumlah kelayakkan minimum **RM411** di dalam akaun masing-masing akan menerima notis atau emel pemberitahuan kelayakkan menyertai Ibadah Qurban daripada Bank Rakyat.

##### **Pendaftaran di cawangan**

- a) Pelanggan yang bersetuju menyertai Ibadah Qurban bagi tahun semasa perlu hadir ke Cawangan Bank Rakyat terdekat untuk mengisi Borang Penyertaan Ibadah Qurban serta mendapatkan senarai harga haiwan Qurban bagi tahun tersebut.
  - b) Teler akan memaklumkan pelanggan harga haiwan Qurban per sebahagian mengikut lokasi pilihan pelanggan bagi tahun semasa.
  - c) Menerima Borang Penyertaan Ibadah Qurban daripada pelanggan dan melakukan pengkreditan akaun "*sundry*".
- Pemberitahuan lokasi pelaksanaan Qurban ini akan dimaklumkan kepada pelanggan yang layak dalam masa 1 minggu sebelum Hari Raya Qurban.

#### 4. Siapakah yang akan melaksanakan Ibadah Qurban pelanggan?

Ahli Jawatankuasa telah bersetuju pelaksanaan Ibadah Qurban tahun 2019 akan dilaksanakan secara berpusat dan dikendalikan oleh **Surau Al-Barakah Menara Kembar Bank Rakyat** (tempatan dan Kemboja (luar negara)). Surau Al-Barakah akan menyediakan keperluan bagi mendapatkan haiwan untuk diagihkan kepada cawangan yang terlibat bagi tujuan ini.

Berdasarkan tahun 2018, lokasi pelaksanaan Qurban adalah seperti berikut:

- Jumaat, 24 Ogos 2018: Wilayah Kampot, Kemboja
- Sabtu, 25 Ogos 2018: Masjid Al-Anshariah, Kampung Lubok Redan dan Masjid Al-Mustaqim Dato' Abu Bakar Baginda, Kampung Dato' Abu Bakar Baginda

#### **5. Apakah Konsep Syariah yang digunakan?**

- a) Konsep Syariah yang digunakan adalah Wadiah Yad Dhamanah adalah bersamaan dengan deposit simpanan di bawah jaminan Bank kerjasama Rakyat Malaysia sebagai pemegang amanah.

Nota: Konsep Wadiah Yad Dhamanah yang diguna pakai adalah sama seperti Akaun Simpanan sedia ada.

- b) Wakalah: Pelanggan melantik Bank sebagai agen untuk membantu dalam memenuhi Ibadah Qurban dengan bayaran berdasarkan wakalah.

Nota: Bank boleh melantik pihak ketiga sebagai agen untuk melaksanakan Qurban bagi pihak pelanggan atas dasar sub-agen dengan pengenaan kos Qurban itu.

#### **6. Bilakah tarikh tutup penyertaan Ibadah Qurban?**

- a) Tarikh tutup penyertaan ini adalah pada **19 Julai 2019** bagi tujuan penetapan tempahan haiwan Qurban daripada pelanggan pada tahun semasa.
- b) Bermula **8 Julai 2019**, notis pemberitahuan mengenai perkara di atas akan disalurkan melalui saluran komunikasi Bank.
- c) Permohonan baru selepas tarikh tutup akan dibawa ke hadapan bagi pelaksanaan Ibadah Qurban tahun berikutnya.

#### **7. Bagaimana dan berapakah kos Qurban ditentukan?**

- a) Kos Qurban per sebahagian akan ditentukan oleh Jawatankuasa Qurban pada setiap tahun dan adalah bergantung kepada harga pasaran semasa. Kos Qurban 2019 adalah seperti berikut;
- i) Malaysia (tempatan): **RM700.00**
  - ii) Kemboja (luar negara): **RM400.00**
- b) Sebarang lebihan (jika ada) daripada harga haiwan Qurban yang telah dibayar akan diserap oleh pihak bank sebagai kos pengurusan atau pengendalian.
- c) Tiada sebarang caj tambahan yang dikenakan kepada pelanggan

#### **8. Apakah pengesahan yang pelanggan akan dapat bagi pelaksanaan Ibadah Qurban yang dilakukan dan bila?**

Pelanggan akan mendapat 'Sijil Penyertaan Ibadah Qurban' yang akan dihantar secara pos oleh Cawangan/Jabatan. Tempoh penghantaran Sijil Penyertaan Ibadah Qurban adalah sekitar 14 – 30 hari selepas tarikh selesai melaksanakan Ibadah Qurban.

Bagi pelanggan yang tidak menerima Sijil Penyertaan Ibadah Qurban pada tahun 2018, Bank akan memajukan Salinan Sijil Penyertaan secara emel atau pengambilan di cawangan.

**9. Perlantikan pengendali Ibadah Qurban bagi Akaun Simpanan-i Tabung Bank Rakyat 2019?**

Pelantikan diberikan kepada **Surau Al-Barakah Menara Kembar Bank Rakyat** bagi pengendalian secara berpusat bagi di dalam dan luar negara.

**10. Bagaimana sekiranya ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai perkara ini?**

Maklumat lanjut, boleh diperoleh seperti berikut:

- a) Hadir ke cawangan Bank Rakyat berhampiran
- b) Layari laman sesawang Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)
- c) Menghubungi Pusat Panggilan di talian 1300 80 5454

